

26 MAR 1997

Parlimen-Bahas

KAJIAN IMPAK PERLU TERHADAP KESEDARAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

KUALA LUMPUR, 26 Mac (Bernama) -- Kerajaan hari ini disaran menjalankan kajian impak mengenai kesedaran akan pentingnya teknologi maklumat di kalangan kakitangan awam dan pemimpin politik dalam menjayakan matlamat Koridor Raya Multimedia (MSC).

Ruhanie Ahmad (BN-Parit Sulong) pada persidangan Dewan Rakyat berkata bahawa hasil pemerhatiannya beliau mendapati wujud pemimpin politik dan kakitangan awam yang seolah-olah dingin mengenai MSC walaupun ada yang memang faham dan sensitif dengan apa yang ingin dilaksanakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir.

Katanya, kajian impak itu penting dalam memastikan kepimpinan pentadbiran awam dan politik benar-benar faham dan komited untuk menjayakan industri teknologi maklumat itu.

"Kajian itu juga pastinya dapat membantu kerajaan menyediakan pendekatan berkesan dan strategi untuk melatih dan mewujudkan keinsafan mengenai pentingnya industri teknologi maklumat kepada negara kelak," katanya semasa membahaskan usul terima kasih atas titah ucapan diraja pada pembukaan persidangan itu.

Ruhanie juga menyarankan agar kerajaan tidak ketinggalan dalam melahirkan tenaga kerja bagi bidang lain dalam kegairahan melahirkan tenaga kerja dalam industri maklumat kini.

Katanya, tenaga kerja dalam pelbagai bidang perlu dihasilkan bagi memastikan negara mempunyai kepakaran dalam semua bidang yang kebanyakannya berkaitan dengan perkembangan teknologi maklumat.

Kerajaan juga perlu menganjurkan kepada institusi kewangan tempatan supaya lebih responsif terhadap keperluan usahawan bumiputera mendapatkan kemudahan kredit dan modal untuk sama-sama beroperasi dalam MSC.

Ruhanie juga meminta Menteri Kanan Singapura Lee Kuan Yew, anaknya Lee Hsieng Loong dan Perdana Menteri Goh Chok Tong memohon maaf secara terbuka kepada rakyat, kerajaan dan Sultan Johor berhubung kenyataannya bahawa negeri itu tempat yang banyak berlaku tembak-menembak, rompakan dan rampasan kereta dalam affidavit bersumpah Lee di Mahkamah Singapura, Disember tahun lepas.

Katanya, permohonan maaf yang dibuat oleh Lee seorang sahaja tidak mencukupi kerana anaknya, Hsieng Loong merupakan pemimpin muda yang bakal menerajui Singapura.

Ruhanie yang kelihatan sebak dan hampir menitikkan air mata berkata: "Kita rela mematikan sentimen sejarah bahawa Singapura dibuka dan dimiliki orang Melayu dan semua pengorbanan itu dilakukan oleh orang Melayu bagi kepentingan hidup bersama secara aman."

Katanya, kekeluparan Lee itu pastinya tidak dapat dilupakan oleh semua pihak di negara ini dan sampai bila-bila pun akan terus melukakan sukma rakyat Malaysia dan tetap tersimpan dalam lipatan sejarah.

Ketua Pembangkang Lim Kit Siang (DAP-Tanjong) pula menyatakan kesediaan DAP untuk berkerjasama dengan kerajaan dalam menangani isu sosial yang disifatkannya perlu dilaksanakan secara bersepadu oleh semua pihak.

Beliau percaya, gejala sosial itu jika tidak ditangani segera akan menghalang matlamat negara untuk mencapai kejayaan dan kemajuan menerusi "Wawasan 2020".

Kerajaan juga perlu melancarkan gerakan mempromosikan nilai hidup murni di kalangan generasi muda di peringkat nasional dengan kerjasama keluarga, sekolah dan komuniti, katanya.

Beliau juga meminta Badan Pencegah Rasuah (BPR) supaya memberikan laporan mengenai perkembangan siasatan terhadap Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad Taib yang ditahan di lapangan terbang Brisbane, Australia pada Disember tahun lepas kerana dikatakan gagal mengisytiharkan wang berjumlah RM2.4 juta yang dibawanya.

Persidangan disambung esok. -- BERNAMA

RHM NMO